

DRAF TEKS UCAPAN
PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN
NAIB CANSELOR UTeM

MAJLIS MENANDATANGANI
MoU : UTeM - SILTERRA & MoA : UTeM - AMR INTELLISYS

9 April 2012, 2.30pm, Bilik Jamuan Auditorium

1 |

Terima kasih diucapkan kepada Puan Pengurus Majlis

Bismillahhirrahmanirrahim

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera

Y.Bhg. Dr. Kamarulzaman bin Mohamed Zin
Ketua Pegawai Eksekutif, Silterra Malaysia Sdn. Bhd.

Y.Bhg. Encik Amran bin Sulaiman
Ketua Pegawai Eksekutif, AMR Intellisys Sdn. Bhd

2 |

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd. Jailani bin Mohd. Nor
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Y.Bhg. Encik Munawwir bin Abdul Ghani
Naib Presiden Sumber Manusia, Silterra Malaysia Sdn. Bhd.

Y.Bhg. Engr. Prof. Dr. Marizan b. Sulaiman
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Y.Bhg. Prof. Dr. Muhammad Ghazie b. Ismail
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

3 |

Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Zulkifilie bin Ibrahim
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik
Merangkap Penasihat Majlis MoU & MoA

Pegawai-pegawai Kanan seterusnya hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

1. Pertama sekali, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan izinNya maka majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Silterra Malaysia Sdn. Bhd. dan Memorandum Perjanjian (MoA) dengan AMR Intellisys Sdn. Bhd. dapat dilaksanakan dan disempurnakan sebentar sahaja lagi.

4 |

2. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Fakulti Kejuruteraan Elektrik kerana mengambil inisiatif mengadakan satu kerjasama industri yang amat bermakna dengan Silterra Malaysia Sdn. Bhd. di bawah Ketua Pegawai Eksekutif nya, Dr. Kamarulzaman Mohamed Zin serta MoA bersama AMR Intellisys Sdn. Bhd di bawah Ketua Pegawai Eksekutifnya, Encik Amran bin Sulaiman. Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis MoU dan MoA ini.

3. Untuk makluman, Silterra Malaysia Sdn. Bhd. merupakan syarikat pengeluar komponen semikonduktor dan pengeluar pelbagai jenis panel elektronik wafer yang berpusat di Kulim Teknology Park, Kedah. Komponen ini banyak digunakan dalam

5 |

produk komunikasi dan komputer seperti telefon bimbit, telefon pintar dan tablet PC.

4. Manakala AMR Intellisys Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat yang mengeluarkan produk sekuriti, memberi perkhidmatan membaik pulih infrastruktur ICT dan pemasangan peralatan telekomunikasi. AMR Intellisys melalui MoA ini telah **mengkomersialkan produk penjimatan minyak kereta** yang dilengkapi dengan kemudahan “Battery Indicator and USB Port” yang dinamakan EFAS™ (ENERGY EFFICIENCY AND SAVE) iaitu hasil daripada penyelidikan bersama antara UTeM-AMR Intellisys sejak dari tahun 2008. Melalui perjanjian ini, AMR Intellisys akan membayar sebanyak RM100,000 kepada UTeM sebagai **timbal balik pemilikan harta intelek produk** tersebut keseluruhannya.

6 |

5. Sesungguhnya bagi sebuah universiti yang boleh dikira muda di kalangan universiti-universiti di Malaysia, ini merupakan **peluang dan kesempatan yang harus dimanfaatkan** bagi tujuan meningkatkan aktiviti kerjasama universiti-industri yang berimpak tinggi, bersifat strategik, berfokus dan teknologi terkini terutama yang berkaitan dengan kejuruteraan automasi dan robotik.
6. Di antara **skop memorandum persefahaman** ini termasuklah perkongsian kepakaran, kemudahan peralatan, pembangunan teknologi baru, peluang staf sangkut industri, latihan industri pelajar, dan program PhD industri.

Para hadirin yang dihormati,

7 |

7. Saya difahamkan, **beberapa projek dan aktiviti kerjasama** telah dikenal pasti untuk dijalankan iaitu hasil daripada perbincangan antara UTeM-Silterra Malaysia Sdn. Bhd. Antaranya ialah “*Automated Handling System*”, “*Retrofitting Sorter Machine*”, “*Developing Radio-Frequency Identification (RFID) system*” dan “*Efficient Scrubber Exhaust Fans System*”.
8. Dalam senario dunia yang kian mencabar dan menuntut kecemerlangan dalam segenap bidang, sesebuah institusi itu tidak boleh bergerak sendirian. Kerjasama sebegini amatlah penting untuk **penggembangan sumber penyelidikan dan inovasi** yang bersifat multidisiplin dan mengoptimumkan potensi sumber pakar dan kepakaran universiti.

8 |

9. Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Silterra Malaysia Sdn. Bhd. serta AMR Intellisys Sdn. Bhd. atas kesudian mengadakan persefahaman dengan pihak UTeM. Semoga persefahaman yang dimulakan pada hari ini akan memacu deras usaha kita menjadi sebuah universiti teknikal berinovatif dan mengangkat martabat UTeM bertaraf dunia.
10. Izinkan saya akhiri ucapan saya dengan serangkap pantun:

***Melihat rusa tepi perigi, Di atas dahan burung tempua,
MOU dan MOA ini mengikat janji, Mari kita berjaya bersama***

Sekian dan terima kasih, wabillahitaufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
